



KENYATAAN SEBUT HARGA

- 1) Penyebut harga adalah dipelawa seperti yang berikut:-

Tajuk/Butiran Sebut Harga	Kelayakan Penyebut Harga	Tarikh Tutup
<p>Kerja-Kerja Menaiktaraf Sistem Kawalan Lif dan Penyelenggaraan Secara Bulanan di G-19, The Promenade, Jalan Mayang Pasir, Bayan Baru, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang Untuk Tetuan JKP Sdn. Bhd.</p> <p>Dokumen Sebut Harga: JKP/Q/HARTA/2022/02</p>	<p>a. Berdaftar dengan SSM b. Berdaftar dengan CIDB Pengkhususan M03 - Lif dan Eskalator c. Mempunyai Sijil SPKK d. Firma Yang Kompeten JKPP (DOSH) e. Penyebut Harga yang berminat DIGALAKKAN menghadiri lawatan premis/tapak pada:- 25hb. Januari, 2022 (Selasa) Jam 10.00 pagi di G-19, The Promenade, Jalan Mayang Pasir, Bayan Baru, 11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang</p>	<p>27hb. Januari, 2022 Sebut harga yang diterima selepas 12:00 tengah hari tidak akan dipertimbangkan</p>

- 2) Permohonan Dokumen Sebut Harga boleh dibuat kepada alamat e-mel seperti di bawah:
saiful@jkpsb.com.my

- 3) Tempoh sebut harga adalah dari **21hb. Januari, 2022** hingga **27hb. Januari, 2021**.

- 4) Penyebut harga mesti mengemukakan **salinan Pendaftaran Syarikat SSM, salinan Perakuan Pendaftaran Kontraktor CIDB, salinan SPKK, salinan Perakuan Firma Yang Kompeten JKPP (DOSH) dan Sijil Taraf Bumiputera (jika ada) yang masih dalam tempoh sahlaku, Profil Syarikat berserta Penyata Bank tiga (3) bulan terkini** ketika menghantar Dokumen Sebut Harga.

- 5) Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **berlakri (sealed)** dan **bertanda Nombor Sampul, Bilangan Sebut Harga JKP/Q/HARTA/2022/02** serta **Tajuk Sebut Harga**.

- 6) Dokumen Sebut Harga yang telah siap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Tingkat 14, Menara JKP** atau **secara pos ke Bahagian Kontrak, JKP Sdn. Bhd., Tingkat 14, Menara JKP, Jalan Macalister, 10400 Pulau Pinang** pada tarikh dan waktu yang dinyatakan dalam jadual. Serahan secara e-mel adalah **TIDAK DIBENARKAN**.

- 7) Pihak JKP Sdn. Bhd. tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu sebut harga itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.